

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **DAMANSARA DAMAI CYCLEWAYS**

Program cycleway merupakan acara susulan dari program Green Ride yang telah diadakan pada bulan April yang lalu. Pendedahan awal kepada penduduk melalui program Green Ride ini menjadi satu permulaan untuk meneruskan lagi program cycleway ini yang mana aktiviti berbasikal ini dapat dijadikan aktiviti riadah berkeluarga kerana ia merupakan aktiviti yang mudah dan digilai oleh ramai orang.

Sebagai contoh, di negara Perancis, Itali dan Kanda, mereka telah menyediakan laluan berbasikal dan tidak membenarkan kenderaan untuk memasuki kawasan basikal yang mana sekaligus dapat mengurangkan kesesakan lalulintas di bandar-bandar utama.

Y.A.B Dato' Menteri besar Selangor turut menyarankan agar Petaling Jaya mengenalpasti alternative mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan pada hari ini Majlis telah mencuba untk menjadikan basikal sebagai alternative pengangkutan yang boleh mengurangkan kadar kesesakan dan sekaligus menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya bekarbon rendah.

Majlis juga akan mencari jalan untuk mengenalpasti dan membina lebih banyak lagi laluan basikal dan pejalan kaki yang menghubungkan kawasan kejiranan dan pusat bandar di samping menyediakan petak meletak basikal di tempat yang sesuai dan selesa untuk mewujudkan satu bandaraya hijau bekarbon rendah.

Projek PJ cyscleway ini telah dirancang untuk mewujudkan jaringan laluan basikal yang lengkap dan runag yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosial, rekreasi dan riadah untuk penduduk di Damansara Damai khususnya.

Pada masa yang sama, pihak Majlis turut berbesar hati melancarkan kelab basikal yang mana penubuhan kelab basikal ini dibuka u ntuk ahli majlis dan kakitangan MBPJ yang bertujuan untuk menggalakkan kakitangan untuk berbasikal ke pejabat dan menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan basikal. Untuk makluman, semua ahli kelab basikal ini sudah mencapai ke 150 orang dan diharapkan lebih ramai lagi kakitangan akan menyertai kelab basikal ini.

Kepada komuniti yang telah menubuhkan kelan basikal, pemberian insentif akan diberikan kepada mereka sebanyak RM2,000 dan supaya menjadi perangsang kepada komuniti untuk bersama-sama menjaga serta menggunakan kemudahan basikal yang telah disediakan.

Di samping itu juga, aktiviti lain yang dijalankan adalah aktiviti berbasikal bermula dari Urban Park 4 hingga ke Urban park 1, aktiviti mountain bike di urban park 4 dan pameran serta cabutan bertuah untuk penghujung yang bertuah.

Projek PJ City Cycleway Netwrok ini tidak hanya akan menumpukan kepada penyediaan infrastruktur laluan basikal tetapi juga akan melibatkan pelbagai penganjuran program seperti kayuhan prihatin bersama penduduk ke lokasi-lokasi tertentu untuk menyerahkan bantuan kepada golongan miskin, oku dan orang-orang tua di Petaling Jaya.

Di harapkan agar aktiviti riadah ini akan berterusan dan dijadikan aktiviti bersama keluarga dan diharapkan agar semua penduduk dapat bersama-sama menyertai acara yang dijalankan. Program ini juga merupakan salah satu usaha Majlis mempromosikan gaya hidup sihat kepada penduduk di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**